

PENGARUH TRANSFORMASI PENGAJARAN, KESEDIAAN DAN KEPEMIMPINAN GURU TERHADAP PENGLIBATAN PEMBELAJARAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR DI SABAH

Mohd Yusof Abdullah¹

Roslee Talip²

Dayang Fatimah Majid²

Kolej Universiti Islam Melaka¹

Universiti Malaysia Sabah²

Abstrak

Kajian ini memberi fokus kepada pengaruh transformasi pengajaran, kesediaan dan kepemimpinan guru terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah. Kajian meliputi keseluruhan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Sabah. Guru di sekolah menengah luar bandar di Sabah terlibat sebagai responden. Kajian kuantitatif menggunakan sebanyak 370 orang guru sekolah menengah yang mengajar di luar bandar dipilih secara rawak. Instrumen soal selidik skala *Likert* lima skala digunakan untuk mengutip data dan dianalisis menggunakan *SPSS*. Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan analisis Pelbagai Regresi Stepwise untuk menguji pengaruh dan hipotesis kajian pada aras signifikan $p < .05$. Dapatan laporan data menunjukkan pengaruh nilai beta (β) konstruksi transformasi pengajaran [$\beta = .910$, $t(370) = 42.137$, $p = .001$]. Manakala peramal konstruksi kesediaan [$\beta = -.085$, $t(370) = -1.985$, $p = .048$]. Untuk peramal konstruksi kepemimpinan guru [$\beta = .190$, $t(2.746) = 42.137$, $p = .001$]. Dapatan kajian mendapati pengajaran guru masih kurang berpengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar. Pengajaran guru masih kurang menerapkan elemen motivasi dalam pengajaran. Malah kemahiran pengajaran guru turut memberi pengaruh sederhana rendah terhadap *output* dan *outcome* pembelajaran pelajar. Dapatan kajian turut mendapati guru kurang berpengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar di bilik darjah. Keadaan ini menyebabkan wujudnya senario kurang kemenjadian akademik pelajar seperti mana yang diharapkan.

Kata Kunci: *Transformasi pengajaran, kesediaan dan kepemimpinan guru, penglibatan pembelajaran.*

**INFLUENCE OF TEACHING TRANSFORMATION,
PREPAREDNESS AND TEACHERS LEADERSHIP TOWARDS
LEARNING INVOLVEMENT OF RURAL
SECONDARY STUDENT IN SABAH**

Abstract

The study focuses on the effect of the transformation of teaching, leadership and willingness of teachers to student learning engagement of rural schools in Sabah. The study covers the whole of Sabah District Education Office. All rural secondary school teachers as respondents. Quantitative study of 370 people with secondary school teachers who teach in rural areas were randomly selected. Likert scale questionnaire five scale used to collect and analyze data using SPSS. Data collected were analyzed using Multiple Regression Stepwise analysis to test hypotheses on the effects and the significant level of $p < .05$. The findings of the report data show the effect of the beta (β) construction transforming teaching [$\beta = .910$, $t(370) = 42.137$, $p = .001$]. While forecasters construction readiness [$\beta = -.085$, $t(370) = -1.985$, $p = .048$] For construction predictor of leadership [$\beta = .190$, $t(2.746) = 42.137$, $p = .001$]. The findings showed that teachers still had little influence on student learning engagement. Teaching teachers to implement the elements still lacking motivation in teaching. Even the teaching skills of teachers also gave low medium effect on the outputs and outcomes of student learning. The study also found that teachers still less influence student learning engagement. This resulted in fewer students showed academic outcomes as expected.

Keywords: *Transformation of teaching, teacher preparedness and leadership, engagement and learning*

PENDAHULUAN

Kajian telah banyak dilaksanakan untuk mengkaji aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Kajian yang melibatkan pedagogi ini dilihat begitu signifikan dan mampu mempengaruhi, penglibatan pelajar malah mampu menentukan pencapaian pelajar dalam pembelajaran masing-masing. Menurut Hargreaves (2004);

Pedagogy should at its best be about what teachers do that not only help students to learn but actively strengthens their capacity to learn.

(Hargreaves, *Learning for Life*, 2004 dipetik dalam Leah dan Jim, 2011)

Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan lagi bahawa guru bakal menggalas tanggungjawab ini dan seterusnya merupakan tonggak utama di dalam proses membina negara bangsa. Guru perlu mendidik pelajar agar mereka terlibat secara langsung dan aktif dalam proses pembelajaran. Transformasi kaedah pengajaran akan meningkatkan tahap kompetensi guru dan diharapkan akan dapat mempengaruhi *output* dan *outcome* pelajar berkenaan. Ilmu pedagogi dan penyesuaian kaedah pengajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025) mampu memberi harapan dalam usaha mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran ke arah membina modal insan secara holistik. Namun, senario pada hari ini banyak memberi gambaran bahawa implementasi standard kualiti penyampaian pengajaran guru masih tidak menunjukkan kemenjadian akademik tercapai. Anjakan proses globalisasi dan ledakan modenisasi teknologi pendidikan menuntut transformasi terhadap meremajakan pengajaran guru perlu dilaksanakan. Cabaran mendidik pelajar hari ini banyak memberi pengaruh dan kesan langsung terhadap kualiti keberkesanan penyampaian guru dan penglibatan pembelajaran pelajar. Refleksi kemenjadian akademik pelajar, khususnya di luar bandar sejak sekian lama tertinggal berbanding pelajar di bandar. Mengambil kira keperluan mentransformasi dan meningkatkan kualiti keberkesanan penyampaian pengajaran guru dan proses penglibatan pembelajaran pelajar, maka kajian ini perlu dilaksanakan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Banyak kajian yang dilaksanakan mendapati pengajaran guru adalah signifikan terhadap keberkesanan kemenjadian akademik pelajar. Pernyataan ini turut terkandung dalam PPPM (2013-2025) berdasarkan dapatan kajian Akademi Kepemimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), menjelaskan hanya lima puluh peratus (50%), pengajaran berkesan dapat diwujudkan oleh guru. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan terdapat kekurangan dalam amalan kaedah pengajaran guru di dalam dan luar bilik darjah. Kerap kali *outcome* pelajar diberi fokus utama, sedangkan elemen penglibatan pembelajaran pelajar yang begitu signifikan mempengaruhi *output* dan *outcome* diabaikan. Banyak kajian yang dilaksanakan juga mendapati amalan pengajaran guru tidak menitikberatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Laporan AKEPT (2011) yang memuatkan dapatan kajian luar negara mendapati faktor kualiti pengajaran guru sangat signifikan terhadap penglibatan pembelajaran pelajar. Sejalan dengan dapatan kajian Zenawi (2012), mendapati asas kemenjadian akademik pelajar bergantung kepada apa yang dipelajari dan bagaimana guru melibatkan pembelajaran pelajar. Maka, kemenjadian akademik pelajar hanya akan wujud, jika pelajar secara rela ingin melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran (Zenawi, 2012).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) telah dirangka oleh KPM dengan menghimpunkan dan mengambil kira banyak elemen

yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti laporan hasil penyelidikan dan laporan pakar pendidikan daripada *UNESCO*, *OECD*, Bank Dunia serta enam daripada Institut Pengajian Tinggi Awam bertujuan untuk mentransformasikan dan melakukan penambahbaikan sistem pendidikan sedia ada. Transformasi yang diharapkan dapat membaiki kualiti pengajaran guru dan menggalakkan penglibatan pembelajaran aktif, terutama pelajar di luar bandar. Penglibatan pembelajaran pelajar secara aktif merupakan petunjuk penyampaian pengajaran yang berkualiti. PPPM (2013-2025), antaranya bermatlamat mengurangkan jurang perbezaan akademik antara pelajar bandar dan luar bandar. Objektif pendidikan negara bertujuan memastikan keadilan agihan dan kesaksamaan kemudahan akses pendidikan kepada semua pelajar tanpa mengira lokasi dan latar belakang setiap pelajar (Muhammad Faizal *et al.*, 2014).

Program yang dilaksanakan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan penduduk kampung mendapati wujudnya kesan positif, apabila pelajar dan penduduk luar bandar disokong dan diberikan pendedahan berkaitan pelbagai akses pendidikan dan kaedah pembelajaran menyelesaikan masalah. Hasil program ini mendapati kesan positif wujud, apabila pelajar didedahkan teknik pembelajaran yang betul. Transformasi pengajaran adalah bertujuan mengubah rutin biasa dalam pengajaran kepada aktiviti yang lebih relevan berdasarkan perbezaan demografi. Berdasarkan Seman (2005), beliau menyatakan bahawa terdapat banyak sekolah di luar bandar masih ketandusan ilmu pengetahuan, berdasarkan apa yang disampaikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan program yang dilaksanakan membuktikan bahawa mekanisme pendekatan pengajaran yang digunapakai selama ini perlu ditransformasikan.

Dapatan kajian Annierah *et al.*, (2013) turut mendapati pengajaran guru dinyatakan sebagai punca kepada kelemahan kemenjadian akademik dan sikap pasif pelajar terhadap penglibatan proses pembelajaran. Pendapat ini turut dinyatakan dalam Anuar *et al.*, (2009) dan Anuar dan Nelson (2015) yang mendapati, realitinya penyampaian pengajaran guru kurang menekankan elemen merangsang cabaran minda pemikiran. Proses pengajaran lebih berfokus kepada penguasaan guru dari mula hingga ke akhir. Malah terdapat segelintir dalam kalangan guru kurang menggunakan alat bantu mengajar kerana sulit dan remeh berbanding menggunakan buku teks dan buku rujukan kerana mudah disediakan. Guru dikatakan kurang berinisiatif memodifikasi rutin amalan pengajaran dan pembelajaran, di mana guru bercakap di hadapan dan pelajar duduk mendengar (Ernest, 2011). Menurutnya lagi, pembelajaran begini menjadi punca mengapa pelajar bersikap pasif, lesu, kurang fokus serta akur sahaja terhadap apa yang guru sampaikan. Natiujahnya, pelajar merasa bosan, pasif, malas serta kurang berminat terlibat dengan pengajaran guru dan mata pelajaran yang diajar.

Sinergi kesediaan pelajar berada dalam bilik darjah sebagai perlambangan sokongan secara rela pelajar melibatkan diri dan berminat dengan pengajaran guru.

Usaha lonjakan menggendakan penglibatan pembelajaran pelajar secara aktif perlu dilaksanakan. Kajian Kevin, Julie dan Susan (2009) mengatakan, proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah merupakan suatu proses sosialisasi dunia kecil kerana pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung bukan sahaja proses perpindahan ilmu malah hubungan kemanusiaan. Menurut mereka lagi, apabila pelajar terlibat dalam aktiviti pembelajaran, mudah memahami dan menguasai ilmu pelajaran yang disampaikan. Justeru itu aktiviti dapat meningkatkan kesedaran kepada pelajar mengapa penting mereka terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang disediakan. Data yang diperoleh daripada unit penilaian Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) menunjukkan kurang bilangan calon memperoleh gred yang baik dalam mata pelajaran yang diambil. Turut direkodkan data pencapaian SPM dan PMR menunjukkan tidak banyak perubahan dari segi kualiti berdasarkan analisis GPN dan GPD data untuk lima tahun kebelakangan. Gred Purata Negeri (GPN) yang tinggi menunjukkan kurang bilangan calon memperoleh gred yang baik dalam mata pelajaran yang diambil. Persoalan ini perlu dikupas dan kajian perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti mengapa keadaan sedemikian wujud, sedangkan guru yang ditempatkan mengajar adalah guru siswazah terlatih dalam bidang masing-masing.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada data peperiksaan awam SPM dan PMR bagi tempoh 2009-2013, menunjukkan kualiti kemenjadian akademik pelajar sekolah menengah di Sabah adalah tidak memuaskan (Unit Penilaian, JPNS, 2014). Nilai Gred Purata Daerah (GPD) dan Gred Purata Negeri (GPN) agak tinggi memberi petunjuk bahawa pelajar Sabah kurang memperoleh gred yang baik dalam mata pelajaran yang diambil. Senario ini menjelaskan bahawa pelajar tidak memahami dan menguasai apa yang telah dipelajari, walaupun, guru telah membantu untuk menyediakan pelbagai aktiviti sebelum menduduki peperiksaan tersebut. Senario ini terus berlaku dalam tempoh yang agak lama, sedangkan pelbagai aktiviti input telah dilaksanakan. Timbul persoalan lain berkaitan apakah yang dilaksanakan oleh guru semasa proses pembelajaran dilangsungkan? Adakah proses pengajaran dan pembelajaran hanya tertumpu kepada *outcome* pencapaian akademik? Bagaimanakah kaedah penilaian proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan? Adakah pelajar dilibatkan sepenuhnya atau pasif dan akur dengan apa yang disampaikan oleh guru? Keadaan ini juga dijelaskan Nurul Izzati *et al.*, (2014) yang mengatakan bahawa guru tidak menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan pembelajaran pelajar yang akan mengakibatkan pelajar tidak memahami tujuan pembelajaran.

Menurut Sufean (2014) mendapati pengajaran guru tidak melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan guru mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran berbanding pelajar. Kenyataan ini selari dengan

*Pengaruh Transformasi Pengajaran, Kesediaan dan Kepimpinan Guru Terhadap
Penglilibatan Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar di Sabah
Mohd Yusof Abdullah, Roslee Talip dan Dayang Fatimah Majid*

laporan Jemaah Nazir Sekolah (2001) sepanjang tahun 1999. Kajian yang dilaksanakan terhadap 3,542 buah sekolah, mendapati 57.1% sekolah menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif tahap sederhana. Dapatan Mohd Yusof (2005), mengesahkan bahawa 10.7% guru pelatih yang mengikuti latihan perguruan di Sabah memilih profesion keguruan adalah kerana faktor jaminan kerja. Kenyataan ini menimbul persoalan bahawa adakah guru bertugas di sekolah sekadar melaksanakan tugas sebagai guru sahaja dan tidak berupaya mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran seperti yang diharapkan. Adediwura dan Baba (2007), mengesahkan kesignifikan persepsi pelajar terhadap pengetahuan kandungan, kesediaan dan kepimpinan guru berpendapat bahawa keberkesanan penyampaian guru memberi pengaruh langsung terhadap penglibatan pembelajaran pelajar.

Usaha memperbaiki kualiti kemenjadian akademik pelajar perlu diberi keutamaan. Hasrat ini hanya dapat dicapai jika penglibatan pelajar secara total dalam aktiviti pembelajaran. Paparan data pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam sebagai kayu pengukur keberkesanan kualiti penyampaian pengajaran guru. Kelembapan kemenjadian akademik menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran masih kurang menitikberatkan penglibatan pembelajaran pelajar. Walaupun guru sibuk mengajar dan mendominasi proses pengajaran tidak bermakna pelajar telah menguasai isi ilmu pelajaran. Guru sibuk menyampaikan isi pelajaran dengan amalan biasa guru tanya pelajar jawab; tetapi adakah pelajar memahami dan menguasai apa yang disampaikan. Pelajar lemah dalam melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan lemah mempersembahkan penguasaan masing-masing dalam aktiviti penilaian. Menurut Noor Erma *et al.*, (2014) kerjasama yang erat dan kesefahaman yang jelas antara guru dan pelajar secara tidak langsung dapat menimbulkan kesedaran dan kesungguhan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran.

Usaha mentransformasikan kurikulum memerlukan kolaborasi daripada semua elemen berkaitan dengan ilmu pedagogi. Elemen seperti pedagogi pengajaran pengetahuan, amalan nilai, kemahiran dan kepimpinan mencerminkan kompetensi kreativiti guru untuk mereka instruksional pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Menurut Crispina dan Chin (2014); Rosnarizah dan Hussein (2015) berpendapat faktor kesediaan, pengetahuan dan kemahiran guru signifikan membentuk kerangka instruksional dan proses penyampaian menentukan kualiti penyampaian guru. Persoalannya, bagaimana guru mengimplementasikan transformasi dalam pengajaran berhadapan dengan perubahan demografi pelajar hari ini. Penglilibatan pembelajaran pelajar secara rela dan penglilibatan aktif boleh di gunakan sebagai mekanisme kayu pengukur untuk mengukur keberkesanan kualiti penyampaian pengajaran. Ada banyak kaedah penilaian yang boleh dilaksanakan guru untuk mengukur *output* dan *outcome* pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Izzati *et al.*, (2011) mendapati amalan pengajaran guru luar bandar masih secara stereotaip. Kaedah pengajaran guru masih kurang menyediakan aktiviti yang mampu menarik penglibatan pembelajaran pelajar secara aktif. Kaedah pengajaran yang pasif kurang merangsang minda dan kurang daya menarik penglibatan pembelajaran pelajar. Kaedah sebegini lebih membebankan kognitif. Pendapat ini turut di bincangkan oleh Nikolaos dan Vassilios (2012) yang mengatakan bahawa guru lebih banyak mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran. Guru memberi demonstrasi dan sedaya upaya melontarkan isi pelajaran umpama mengisi air ke dalam tong air. Kaedah pengajaran tradisional kurang memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk terlibat. Guru lebih memberi andaian pelajar boleh menerima dan menangkap muat ilmu yang disampaikan. Pengajaran seperti ini menjadikan pelajar hanya sebagai penerima pasif. Malah David, Tamara dan Angie (2013) mencadangkan agar guru dapat menilai hasil kerja pelajar sebagai refleksi kualiti pengajaran. Penglibatan pembelajaran secara aktif dapat maklum balas jika pelajar dapat menunjukkan komitmen dan secara rela terlibat dan output positif.

Laporan Koridor Pembangunan Sabah (2008) mendapati pelajar luar bandar Sabah masih jauh tertinggal dari segi kemenjadian akademik berbanding pelajar di bandar. Masalah kualiti pembelajaran pelajar di luar bandar seakan belum menunjukkan kemajuan. Cabaran melaksanakan transformasi pendidikan luar bandar berhadapan dengan dua cabaran pokok iaitu kesanggupan guru dan kesungguhan pelajar melibatkan diri secara rela dalam aktiviti pembelajaran. Selari dengan pendapat Syed Ismail dan Ahmad Shubki (2013) dalam ‘Guru dan Cabaran Semasa’ melakukan transformasi terhadap pengajaran guru berfokus terhadap usaha meningkatkan penglibatan pembelajaran pelajar, mengubah persepsi dan memberi motivasi bahawa pelajar bukan pemain pasif di dalam bilik darjah. Mengatasi masalah ponteng kelas dan menarik semula penglibatan pembelajaran pelajar secara aktif antara matlamat pengajaran dalam bilik darjah (Zalika *et al.*, 2009). Pendapat kajian Muhammad Rizqi (2013) mengatakan guru sebagai pemimpin telah dibekalkan dengan ilmu pedagogi dan kemahiran pelbagai sedia membantu merangsang dan membina kekuatan kognitif, psikomotor dan afektif secara efektif.

Kurang kemenjadian akademik pelajar di luar bandar Sabah perlu dikaji dari pelbagai sudut terutama dari sudut kualiti pengajaran guru dan penglibatan pembelajaran pelajar. Menilai kembali bagaimana yang dikatakan pelajar telah melibatkan diri dalam proses sosialisasi aktiviti pembelajaran. Proses sosialisasi pengajaran dan pembelajaran perlu diberi penekanan semasa pengajaran dan pembelajaran. Bukan sekadar memberi fokus terhadap pencapaian akademik pelajar. Mohammad Sani (2013) mengatakan objektif pengajaran dan pembelajaran bukan hanya menyediakan pelajar aktiviti penilaian, tetapi lebih daripada bagaimana proses itu berlaku dan penglibatan pembelajaran pelajar

secara aktif. Pelajar lebih meminati suatu pengalaman yang dapat memberi peningkatan kefahaman terhadap ilmu pelajaran yang disampaikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang digunakan berdasarkan kepada masalah kajian seperti berikut:

1. Mengetahui pasti pengaruh perancangan, penyampaian, alat bantu mengajar dan penilaian terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan transformasi pengajaran.
2. Mengetahui pasti pengaruh pengetahuan, kemahiran dan amalan nilai terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan kesediaan.
3. Mengetahui pasti pengaruh kepemimpinan dan motivasi terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan kepemimpinan.
4. Mengetahui pasti pengaruh transformasi pengajaran, kesediaan dan kepemimpinan guru terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan adalah berbentuk kajian kuantitatif. Menggunakan soal selidik skala likert lima skala untuk mengutip data. Menurut Levin dan Fox (2007), skala likert lebih sesuai kerana mirip seakan soalan objektif yang lebih sesuai digunakan dan mesra pengguna untuk responden menandakan item pilihan. Menurut Creswell (2013), kajian menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan lebih digemari dan data boleh dikumpul dengan sempurna. Item-item soal selidik dibina berdasarkan pelbagai sumber kajian yang telah dijalankan seperti soal selidik Institut Perguruan, Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan beberapa soal selidik daripada kajian yang telah dijalankan. Item soal selidik diambil hanya sebahagian dan berkaitan dengan soalan kajian. Item dibentuk berdasarkan ciri-ciri item yang baik. Soal selidik mengandungi lima bahagian dan mengandungi 106 item. Pensampelan rawak mudah diguna pakai dalam kajian untuk mengutip data.

Kajian menggunakan prosedur pensampelan kebarangkalian kerana memilih subjek secara rawak. Pensampelan rawak mudah dipilih kerana semua populasi berpeluang menjadi responden. Pensampelan sistematik kerana menggunakan angka dan menentukan bilangan responden secara gandaan (saiz sampel sebenar dan saiz sampel simpanan). Pensampelan kelompok turut diguna kerana melibatkan kawasan kajian yang luas dan bilangan responden yang ramai.

Pensampelan sistematik mencadangkan setiap ahli ke- n dalam populasi sebagai sampel pilihan. Memandangkan jumlah populasi dalam kajian ini berjumlah 8,931 orang, maka jumlah responden yang boleh digunakan lebih kurang 370 orang dengan menggunakan jadual Chua (2006); Azizi *et al.*, (2007). Data enrolmen guru sekolah menengah diperoleh dari Unit Data ERMIS JPNS 2014.

DAPATAN DATA

Dapatan kajian yang akan disampaikan adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan.

1. Mengenal pasti pengaruh perancangan, penyampaian, alat bantu mengajar dan penilaian terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan transformasi pengajaran?

Jadual 1: Keputusan Pekali Regresi Pelbagai *Stepwise* Transformasi Pengajaran Guru Terhadap Penglibatan Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah di Sabah

Pemboleh ubah	β	t	p
Transformasi Pengajaran	.910	42.137	.050
Perancangan	1.000	.	.
Penyampaian	1.000	.	.
ABM	3.798	7.561	.001
Penilaian	3.004	25.202	.001

Maklumat:

***p < .05**

<i>R² (Transformasi Pengajaran)</i>	= .828
<i>R² (Perancangan)</i>	= 1.000
<i>R² (Penyampaian)</i>	= 1.000
<i>R² (ABM)</i>	= .633
<i>R² (Penilaian)</i>	= .683
<i>F (Transformasi)</i>	= 1775.5
<i>F (Perancangan)</i>	= 488.4
<i>F (Penyampaian)</i>	= 270.4
<i>F (ABM)</i>	= 635.1
<i>F (Penilaian)</i>	= 394.6
<i>p=</i>	<i>.050, .001, .001</i>

Hasil dapatan kajian seperti di atas menunjukkan pemboleh ubah transformasi pengajaran guru [$F(1,368)=1775.5, p<.001$]. Manakala elemen-elemen dalam pemboleh ubah yang diuji dalam pemboleh ubah peramal iaitu perancangan dan penyampaian menunjukkan dapatan ujian [$F(1,368)= 1.000, p<.001$]. Untuk elemen ABM [$F(1,368)= 635.1, p<.001$]. Bagi elemen penilaian nilai ujian [$F(2,367)=394.6, p<.001$]. Berdasarkan pada nilai beta (β), hasil kajian menunjukkan peramal konstruksi transformasi pengajaran guru [$\beta=6.054, t(370)=42.137, p<.001$]. Manakala, elemen perancangan dan penyampaian menyumbang [$\beta =1.000, t(370)=.000, p=.001$]. Untuk elemen ABM [$\beta =3.798, t(370)=7.56, p=.001$]. Elemen penilaian [$\beta =.796, t(370)=25.2, p=.001$]. Hasil kajian menunjukkan varian (R^2) peramal transformasi pengajaran guru menyumbang kepada ($R=82.8$) peratus pengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar. Kekuatan pengaruh dengan dibantu empat elemen lain iaitu perancangan dan penyampaian seratus peratus. Manakala ABM sebanyak ($R=63.3$ peratus) dan penilaian sebanyak ($R=68.3$ peratus). Secara keseluruhan setiap elemen dalam konstruksi peramal transformasi pengajaran guru adalah signifikan pada tahap baik untuk elemen perancangan dan penyampaian dan sederhana untuk ABM dan penilaian terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah.

2. Mengenal pasti pengaruh pengetahuan, kemahiran, dan amalan nilai terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan kesediaan?

Jadual 6.2: Keputusan Analisis Regresi Pelbagai *Stepwise* Terhadap Pemboleh ubah Kesediaan Guru di bawah Elemen Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Nilai

Pemboleh ubah	β	t	p
Pengetahuan	.333	4.166	.001
Kemahiran	.431	6.465	.001
Amalan Nilai	.325	4.873	.001

Maklumat:

*** $p < .05$**

R^2 (Pengetahuan)	= .606
R^2 (Kemahiran)	= .495
R^2 (Amalan Nilai)	= .526
F (Pengetahuan)	= 488.4
F (Kemahiran)	= 361.4
F (Amalan Nilai)	= 203.7
p	= .001

Dapatan analisis data menunjukkan pemboleh ubah peramal kesediaan guru mempunyai [$F(1,368)=896.838, p<.001$]. Manakala elemen-elemen dalam pemboleh ubah yang diuji iaitu pengetahuan menunjukkan [$F(2,367)= 282.739, p=.001$]. Bagi elemen kemahiran menunjukkan [$F(2,369)= 896.8, p<.001$]. Elemen amalan nilai iaitu [$F(2,369)= 203.7, p<.001$]. Berdasarkan nilai beta (β), hasil kajian menunjukkan pemboleh ubah peramal kesediaan guru menunjukkan [$\beta=6.054, t(370) =-1.985, p<.048$]. Untuk elemen pengetahuan guru [$\beta =.333, t(370)=4.166,$

*Pengaruh Transformasi Pengajaran, Kesediaan dan Kepimpinan Guru Terhadap
Penglibatan Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar di Sabah
Mohd Yusof Abdullah, Roslee Talip dan Dayang Fatimah Majid*

$p < .001$]. Bagi elemen kemahiran [$\beta = .431$, $t(370) = 6.465$, $p < .001$]. Elemen amalan nilai [$\beta = .325$, $t(370) = 4.87$, $p < .001$]. Dapatan analisis ujian menunjukkan varian (R^2) peramal kesediaan guru menyumbang kepada ($R = 83.0$ peratus) pengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar. Kekuatan pengaruh ini dibantu dengan tiga elemen lain iaitu pengetahuan sebanyak ($R = 60.6$ peratus). Manakala kemahiran sebanyak ($R = 49.5$ peratus) dan amalan nilai sebanyak ($R = 52.6$ peratus). Secara keseluruhan setiap elemen dalam konstruksi peramal transformasi pengajaran guru adalah signifikan tetapi berada pada tahap sederhana. Manakala aras varian (R^2) terutama elemen kemahiran berada pada tahap sederhana rendah terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah.

3. Mengenal pasti pengaruh kepimpinan dan motivasi terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah di bawah amalan kepimpinan?

Jadual 6.3: Keputusan Pekali Regresi Pelbagai *Stepwise* Kepemimpinan Guru Elemen Kepimpinan dan Motivasi Terhadap Penglibatan Pembelajaran Pelajar

Pemboleh ubah	β	t	p
Kepimpinan	.716	6.571	.001
Motivasi	-.168	-1.685	.093

Maklumat:

*** $p < .05$**

R^2 (Kepimpinan) = .513

R^2 (Motivasi) = .093

F (Kepimpinan) = 387.5

F (Motivasi) = 367.5

$p = .001$

Hasil analisis dalam jadual menunjukkan peramal elemen kepimpinan guru [$F(1,368) = 896.8$, $p < .001$]. Manakala elemen-elemen untuk pemboleh ubah yang diuji dalam pemboleh ubah peramal iaitu kepimpinan menunjukkan [$F(1,368) = 387.5$, $p < .001$]. Manakala elemen motivasi tidak termasuk dalam elemen pemboleh ubah kerana menunjukkan tidak signifikan pada aras yang ditetapkan [$\beta (-.168$, $t(370) = -1.68$, $p < .093$]. Dapatan data elemen motivasi pemboleh ubah

peramal dan tidak memberi pengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar kerana hasil ujian tidak menunjukkan signifikan pada aras yang ditetapkan. Data berdasarkan nilai beta (β), hasil kajian menunjukkan peramal konstruksi kepimpinan guru [$\beta=.716$, $t(370) =19.6$, $p<.001$]. Hasil ujian menunjukkan varian (R^2) peramal kepimpinan guru menyumbang kepada 53.1 peratus pengaruh terhadap penglibatan pembelajaran pelajar. Secara keseluruhan hasil ujian untuk elemen dalam konstruksi peramal kepimpinan guru adalah signifikan tetapi berapa pada tahap sederhana lemah. Malah elemen motivasi (*Excluded variable*) terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah.

4. Mengenal pasti pengaruh transformasi pengajaran, kesediaan dan kepimpinan guru terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah.

Jadual 6.4: Pekali Regresi Pelbagai *Stepwise* Transformasi Pengajaran Kesediaan dan Kepimpinan Guru Terhadap Penglibatan Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar di Sabah

Pemboleh ubah	β	t	p
Transformasi Pengajaran	.910	42.137	.001
Kesediaan	-.085	-1.985	.048
Kepimpinan	.190	2.746	.001

Maklumat:

*** $p < .05$**

R^2 (Transformasi Pengajaran)	= .828
R^2 (Kesediaan)	= .830
R^2 (Kepimpinan)	= .828
F (Transformasi Pengajaran)	= 1775.5
F (Kesediaan)	= 896.8
F (Kepimpinan)	= 896.8
$p=$.001

Hasil ujian analisis dalam jadual menunjukkan transformasi pengajaran guru [$F(1,368) =1776$, $p<.001$]. Manakala pemboleh ubah kesediaan menunjukkan [$F(1,368)= 897$, $p<.048$]. Bagi pemboleh ubah kepimpinan menunjukkan

[$F(1,368)= 897, p<.001$]. Ujian analisis data berdasarkan nilai beta (β), menunjukkan peramal konstruksi transformasi pengajaran [$\beta=.910, t(370)=42.137, p<.001$]. Mana kala peramal konstruksi kesediaan [$\beta=-.085, t(370)=-1.985, p<.048$]. Untuk peramal konstruksi kepemimpinan [$\beta=.190, t(2.746)=42.137, p<.001$]. Hasil ujian menunjukkan varian (R^2) peramal transformasi pengajaran guru menyumbang kepada ($R=82.8$ peratus). Manakala varian (R^2) peramal konstruksi kesediaan guru menyumbang kepada ($R=83.0$ peratus). Untuk varian (R^2) peramal kepemimpinan guru menyumbang kepada ($R=82.8$ peratus).

Berdasarkan keputusan ujian analisis data Regresi Pelbagai *Stepwise*, dapatan kajian menunjukkan konstruksi pemboleh ubah peramal transformasi pengajaran, kesediaan dan kepemimpinan guru menyumbang pengaruh signifikan terhadap penglibatan pembelajaran pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah kecuali elemen motivasi. Dapatan kajian boleh diambil perhatian untuk menilai semula mengapa ada elemen yang hanya sekadar signifikan pada tahap sederhana rendah.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil dapatan kajian yang dijalankan telah membuktikan guru sekolah menengah di luar bandar kurang melakukan transformasi terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran yang mampu menarik penglibatan pembelajaran pelajar. Dapatan kajian turut mendapati guru masih kurang menunjukkan kemahiran menyediakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran yang mampu menarik penglibatan pembelajaran pelajar. Guru masih kurang menunjukkan amalan nilai menghasilkan pengajaran yang bersesuaian dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Malah pelajar juga masih kurang memahami tujuan pembelajaran. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian ke atas pengaruh signifikan pemboleh ubah peramal dengan pemboleh ubah kajian tetapi dalam keadaan sederhana dan sederhana rendah. Pendapat ini selari dengan kajian Mohd Yusof (2005) mengatakan guru lebih kepada menjalankan tugas rutin guru sahaja. Pengajaran dan pembelajaran perlu saling melengkapi. Penglibatan pembelajaran pelajar sebagai suatu proses sosialisasi interaktif antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar (Anuar dan Nelson 2015). Proses input pengajaran dan pembelajaran yang relevan dan sesuai dengan transformasi kaedah amalan yang biasa. Perancangan yang baik menghasilkan proses sosialisasi pelajar positif secara aktif. Malangnya hari ini pencapaian pelajar adalah hasil *output* dan *outcome* yang lebih diambil perhatian berbanding proses menghasilkan *output*. Menurut Astin (1984) proses pemahaman yang baik hanya berlaku apabila pelajar terlibat langsung dalam proses pembelajaran. Guru sebenarnya perlu berinisiatif mentransformasikan pengajaran, bersedia dan berkepemimpinan terhadap penglibatan pembelajaran pelajar.

RUMUSAN

Mentransformasikan pengajaran dari situasi yang pasif kepada aktif adalah wajar dan perlu dilaksanakan. Pihak guru khususnya, perlu memberikan fokus yang sepenuhnya ke arah usaha memperbaiki kualiti pengajaran di pihak guru dan meningkatkan penglibatan pembelajaran di pihak pelajar. Proses pengajaran yang dapat menggabungalinkan semua elemen ini perlu dilaksanakan untuk menarik penglibatan pelajar. Kesediaan guru mencerminkan kualiti pengajaran yang merangsang kognitif pelajar. Di samping memberi motivasi sinergi mengupayakan pelajar untuk belajar. Kemenjadian akademik pelajar hanya tercapai jika pelajar dapat memahami dan menguasai apa yang dipelajari. Pelajar akan terlibat di dalam proses pembelajaran masing-masing jika dilakukan secara suka rela. Pelajar kerap kali akan berminat dengan kaedah pengajaran guru, jika dapat mencabar minda dan merangsang rasa ingin tahu yang lebih tinggi. Akhir sekali, guru yang berkualiti ialah guru yang mampu memberikan rangsangan terhadap penglibatan pembelajaran pelajar di dalam dan luar bilik darjah. Jika pelajar gagal dalam proses pembelajaran, guru perlulah mengubah proses pengajaran masing-masing.

BIBLIOGRAFI

- Adediwura A and Bada Tayo. 2007. Perception of Teachers' Knowledge, Attitude and Teaching Skills as Predictor of Academic Performance in Nigerian Secondary School. *Educational and Review*. Vol. 2(7):165-171.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman dan Nur Atiqah T. Abdullah. 2009. Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Jilid 34(1):53-66.
- Anuar Ahmad dan Nelson Jingga. 2015. Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum dan Pendidikan Asia Pasifik*. Jilid 3(2).
- Annerah Maulana Usop, Kamarulzaman Askandar, Maeda Langguyuan dan Datu Amir Sajid Onotan Usop. 2013. *Work Performance and Job Satisfaction Among Teachers*. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 3(5). UKM.
- Crispina Gregory K. Han dan Chin Kin Eng. 2014. Perbandingan Prestasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam kalangan Guru-Guru Sains Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar di Sabah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*. Jilid 4(2). UPI Bandung Indonesia.
- Creswell, J.W. 2013. *Research Design. Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Los Angeles: SAGE Publications, Ltd.

*Pengaruh Transformasi Pengajaran, Kesiediaan dan Kepimpinan Guru Terhadap
Penglibatan Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar di Sabah
Mohd Yusof Abdullah, Roslee Talip dan Dayang Fatimah Majid*

- David Slavit, Tamara Holmund Nelson and Angie Deuel. 2013. Teacher Groups' Conceptions and Uses of Student-Learning Data. *Journal of Education*. Vol. 64(1):8-12.
- Ernest Ampadu. 2011. Does Peer Influence Affect Students Participation in Mathematics? *International Online Journal of Education Science*. Vol. 3(2):424-434.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 –2010*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kevin S.Floyd, Julie Santiago and Susan J.Harrinton. 2009. Improving Student Engagement and Perceived Course Value. *Proceedings of the Southern for Information Systems Conference, Charleston, SC, March 12th – 14th, 2009*.
- Levin, J. and Fox, J.A. 2007. *Elementary Statistics in Social Science Research*, (2nd Edition) New York: Allyn and Bacon.
- Mohd Yusof Abdullah. 2005. Profesionalisme Profesion Perguruan. *Jurnal Pemikiran Pendidikan*. Jilid 2:12-21. Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Yusof Abdullah, Abdul Said Ambotang, Muhammad Suhaimi Taat dan Roslee Talip. 2011. Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara. *Minda Pendidik*.
- Mohd Zaki Ishak. 2012. *Transformasi Pendidikan Luar Bandar di Sabah*. Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial. UMS.
- Muhammad Faizal A. Ghani dan Julie Williams. 2014. Harapan Murid Bermasalah Terhadap Pengajaran Guru: Satu Kajian Awal di Sebuah Negara Maju. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Jilid 2(1).
- Muhammad Rizqi Prasetyo, Amat Mukhadis dan Sutijono. 2013. Komitmen Guru dalam Mengelola Pembelajaran Pada Jurusan Automatif SMK. *Jurnal Teknologi dan Kejuruteraan*. Vol. 36(2):173-186
- Nikolaos Dovros and Vassilios Makrakis. 2012. Transforming the Classroom a Reflective Community: A Blended Learning Instructional Approach. *Journal of Teacher Education for Sustainability*. Vol.14(2):73-88.
- Noor Erma Abu dan Leong Kwan Eu. 2014. Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Jilid 2(1). UM.
- Nurul Izzati Azizi, Halimah Maalip dan Noordin Yahaya. 2011. Perbandingan Faktor yang Mempengaruhi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Antara Sekolah di Bandar dan Luar Bandar. *Journal of Education Management*, Vol. 1:34-47.
- Rosnarizah Abdul Halim dan Hussein Hj Ahmad. 2015. Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual dan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 2(4). UM.

- Safdar Rehman Ghazi, Gulap Shahzada, Muhammad Tahir Shah and Muhammad Shuib. 2013. Matter at Secondary Level in Southern Districts of Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. *Journal of Educational and Social Research* Vol. 3(2).
- Seman Salleh. 2005. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Jerantut, Pahang. *Jurnal IPBA*. Jilid 3(2).
- Sufean Hussin. 2014. Cabaran Menyeluruh dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan untuk Masa Depan Malaysia. *Seminar Transformasi Pendidikan Nasional*. Fakulti Pendidikan, Kertas Ucapan Utama.
- Syed Ismail Syed Mustafa dan Ahmad Subki Miskon. 2013. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional*. Kuala Lumpur: Siri Pengajian Profesional, Penerbit Multimedia.
- Vincent Pang. 2005. *Curriculum Evaluation. An Application in Smart School Curriculum Implementation*. Universiti Malaysia Sabah.
- Zalika Adam, Faridah Kassim dan Mohamad Johdi Salleh. 2009. Memperkasakan Pendidikan Luar Bandar. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009*. 3-5 February 2009. UMS.
- Zenawi Zerihun. 2012. Evaluating Teaching Quality in Higher Education: A Focus on Students' Learning Experiences. Center for Educational Training, Assessment dan Research (CETAR).